SOLUSI

Panduan Hidup Bersyariat

MOTIVASI FARDU AIN 123
2019 • PP 15048/05/2013 (032162)
AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS (Incorporated in Malaysia)

Taut Hati dengan al-Quran

ISTIMEWA!

Peraduan kumpul dan menang bersama Solusi. Hadiah-hadiah menarik menanti anda!

Anai-Anai Tamatkan Boikot 36

GPS Allah 74

ASIA PACIFIC BRANDS FOUNDATION
THE WORLD'S BEST BRANDS (BUMIPUTERA)
2018
THE BRAND LAUREATE

Sebuah terbitan Telaga Biru

MAJALAH INI MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN. PELIHARALAH KESUCIANNYA

SUMBANGSIH
Mohamad Razif Mohamad Fuad
Al-Quran Berhabuk = Hati Berhabuk? 52

KRONOLOGI KIAMAT
Dr. Mohd Yusuf Ismail
Al-Quran Hilang daripada Mushaf 92

ISSN 1985-5400
00123
9 771985 540003
TELAGA BIRU SDN. BHD.

RM10.00 (SEM)
RM12.00 (S/S)
SGD7.50
BND7.50
USD10.00
EUR8.00
IDR35,000.00
AUD7.50

Azrul Azlan

Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis *Indahnya Hidup Bersyariat* terbitan Telaga Biru.

Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com

Mencari

Mungkin kita tertanya-tanya, apakah makna di sebalik angka 114? Jika disebutkan angka 30, mungkin dengan mudah kita dapat mengaitkannya dengan 30 juzuk al-Quran. Apa pula maksud angka 114?

Ia adalah bilangan surah dalam al-Quran. Terdapat 114 surah yang menuntut kita untuk membaca dan memahaminya, lantas mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Oleh itu, 114 surah dalam al-Quran adalah teman yang memberikan cahaya untuk kita melangkah ke alam akhirat dalam keadaan Allah reda.

Untung Bersahabat dengan 114

1 Ubat Penyakit Hati

Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran daripada Tuhan kamu dan **menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada dalam dada kamu** dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman." (*Surah Yunus* 10: 57)

2 Tambah Ilmu

Al-Quran adalah sumber ilmu seperti yang disebut oleh Ibn Mas'ud: "Sekiranya kamu ingin mendapatkan ilmu, galilah al-Quran ini kerana dalamnya terdapat ilmu orang terdahulu dan kini." Begitu juga Ibn Taimiyyah menukilkan: "Dalamnya (al-Quran) terdapat ilmu yang tidak diketahui oleh orang ramai." (*Jami' al-Masa'il*)

3 Beramal

Menurut Hasan al-Basri: "*Tadabbur* ayat-ayat al-Quran adalah dengan mengikuti (arahannya) dan beramal dengannya." (*Syu'ab al-Iman*)

4 Sucikan Jiwa

Tadabbur dapat menyucikan jiwa daripada sebarang perlakuan dosa dan maksiat yang dilakukan secara berterusan. Sesi *tadabbur* menuntut kita mengambil pengajaran daripada kisah-kisah terdahulu, kemudian bermuhasabah diri. Al-Quran bukanlah kitab sejarah, tetapi ia adalah kitab hidayah yang membawa kita untuk berhijrah ke arah kebaikan.

Biasa: 6 minit 00 saat
Pantas: 0 minit 32 saat

Cahaya 114

Cara Bersahabat dengan 114

Imam al-Nawawi melalui kitabnya *al-Azkar* meletakkan satu tajuk yang khusus tentang al-Quran. Menurut beliau, membaca al-Quran merupakan ibadah yang paling afdal, namun ia perlu dibaca dengan **penuh perhatian** atau dari segi istilah ia dinamakan sebagai *tadabbur*.

Beliau juga menyatakan bahawa seseorang yang membaca al-Quran perlulah:

- Khusyuk (mempunyai konsentrasi yang baik).
- Memahami maknanya (*tadabbur*).
- Merendah diri ketika membacanya.

> Ada antara *salafussoleh* yang pengsan ketika membaca al-Quran kerana "terjun begitu dalam" ke dalam ayat-ayat suci yang dibaca.

Apabila ketiga-tiga elemen ini dilaksanakan, dada akan terbuka dengan lapang dan hati akan disinari dengan limpahan rahmat dan kasih sayang Allah. Menurut beliau lagi, terdapat *salafussoleh* yang membaca al-Quran semalaman yang turut disertakan dengan aktiviti *tadabbur*. Ada juga antara mereka yang pengsan ketika membaca al-Quran kerana "terjun begitu dalam" ke dalam ayat-ayat suci yang dibaca.

Teknik *Tadabbur*

Cara untuk bersahabat dengan 114 teman al-Quran adalah dengan selalu men*tadabbur* ayat-ayatnya. Bagaimanakah untuk melaksanakan aktiviti *tadabbur*?

1. Sebelum Membaca al-Quran

• Pilih Waktu yang Sesuai
Pemilihan waktu yang sesuai untuk *tadabbur* akan memberikan kesan kepada hati dan mempermudahkan proses *tadabbur* al-Quran. Waktu yang dipilih mestilah tidak mengganggu aktiviti *tadabbur*. Sebaik-baik waktu yang dicadangkan adalah pada waktu malam kerana ia lebih tenang dan memudahkan hati meresapi maksud daripada setiap ayat al-Quran yang dibaca dan difahami maknanya.

• Pilih Tempat yang Sesuai
Tempat yang tenang akan memberikan kesan ketika *tadabbur* al-Quran. Suasana yang bising akan menyebabkan seseorang sukar untuk fokus kepada ayat-ayat yang dibaca. Antara tempat yang terbaik adalah di masjid.

• Pilih Kadar yang Sesuai
Tentukan kadar dan bilangan ayat yang bersesuaian dengan kemampuan diri serta waktu dan suasana pen*tadabbur* al-Quran akan membantu proses *tadabbur* yang berkesan.

• Tadabbur Secara Berperingkat
Tadabbur ayat-ayat al-Quran perlulah bermula daripada yang mudah difahami sehinggalah kepada yang sukar. Proses *tadabbur* yang berperingkat ini akan memberikan motivasi dan semangat untuk terus istiqamah men*tadabbur* makna-makna ayat al-Quran.

2. Ketika Membaca al-Quran

• Berlindung daripada Gangguan Syaitan
Permohonan ini bukan sekadar dilafazkan melalui lisan, bahkan ia turut dizahirkan melalui tindakan yang diambil. Syaitan akan sedaya upaya berusaha untuk menjauhkan kita daripada al-Quran. Maka kita perlu bermujahadah melawan nafsu ketika membaca al-Quran agar tidak dipalingkan daripada men*tadabbur* makna-maknanya.

• Baca dengan Betul dan Indah
Bacaan yang betul dan disertakan dengan tajwid yang betul membawa kita selangkah untuk men*tadabbur* al-Quran. Bacaan yang betul akan membawa kepada pemahaman makna yang betul.

Selain bacaan yang betul, kita juga dituntut agar memperindahkan bacaan dengan taranum. Taranum juga membawa kita untuk memahami konteks ayat yang dibaca. Sebagai contoh apabila berbicara tentang hukuman bagi orang yang tidak mengikut hukum Allah, nada sedih dalam taranum akan memberikan gambaran makna ayat yang dibaca.

• Ulang Ayat yang Dibaca dan Berhenti Sejenak
Pengulangan dan berhenti sejenak untuk memerhatikan maksud ayat-ayat yang dibaca merupakan cara yang penting untuk segera mengambil manfaat daripada al-Quran.

Melalui pengulangan ayat-ayat yang dibaca juga memudahkan kita untuk merasai kemanisan dan kelazatan makna-makna al-Quran sehingga ia masuk dan meresap ke dalam jiwa yang sering alpa dan leka. Sebab itulah Rasulullah s.a.w. selalu mengulangi ayat-ayat al-Quran sehingga dapat menjiwai makna di sebaliknya.

• Timbulkan Persoalan
Antara cara terbaik untuk *tadabbur* adalah dengan menimbulkan persoalan-persoalan yang membolehkan kita mendalami makna ayat yang dibaca. Mungkin kita boleh bertanya:

- Kenapa surah ini didahulukan daripada surah itu?
- Kenapa Allah dahulukan perkataan ini, sedangkan pada ayat lain Allah menyebutkannya kemudian?
- Kenapa Allah mengulang ayat ini berkali-kali pada surah ini dan surah-surah yang lain?

Persoalan-persoalan ini akan menimbulkan motivasi untuk kita mengetahui maknanya secara mendalam.

Jenis *Tadabbur*

1 *Tadabbur* Orang Awam
Ia bermaksud membaca al-Quran, memahami makna dan beramal dengannya berdasarkan kadar kemampuan masing-masing. Perintah *tadabbur* bagi jenis ini adalah wajib bagi seluruh umat Islam.

2 *Tadabbur* Ulama
Tadabbur bagi kategori ini adalah dengan melihat ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan ilmu syariah dan bahasa Arab sebagai contohnya, berdasarkan kemampuan para ilmuwan untuk memahami, mengeluarkan hukum dan khazanah al-Quran yang tidak ternilai, beramal dengannya dan berusaha untuk menyampaikannya kepada orang lain. Ia merupakan kewajipan para ilmuwan. Hukumnya adalah fardu kifayah.

Kebiasaannya ulama akan berpegang kepada empat asas ini ketika *tadabbur* al-Quran:

i. Mengetahui makna lafaz setiap perkataan.
ii. Mencari kesatuan tema bagi surah.
iii. Mendalami ilmu *al-munasabat* (ilmu yang melihat perkaitan atau hubungan antara surah dengan surah serta ayat dengan ayat dalam al-Quran. Begitu juga perkaitan antara ayat-ayat pada awal surah dan akhirnya).
iv. Mengetahui maksud perkataan berdasarkan kaedah bahasa Arab dan ilmu-ilmunya seperti nahu, saraf dan balaghah.

3 *Tadabbur* Pakar Bidang
Tadabbur bagi kategori ini pula adalah bagi seseorang yang mempunyi kepakaran dalam sesuatu bidang seperti perubatan, sains, ekonomi, kejuruteraan dan lain-lain lagi. Kepakaran yang dimiliki akan memberikan penjelasan yang lebih mendalam tentang ayat-ayat yang di*tadabbur* khususnya yang berkaitan dengan mukjizat sains.

Semoga kita diberikan kekuatan untuk menjadikan *tadabbur* al-Quran sebagai agenda kehidupan supaya akhirnya kita akan **memperoleh cahaya 114**.